

ANALISIS ITEM NAFKAH SELAIN KEPERLUAN ASAS DALAM PERINTAH NAFKAH

(ANALYSIS OF ALIMONY ITEMS APART FROM THE BASIC REQUIREMENTS IN THE ALIMONY ORDER)

¹Mohd Hazwan Ismail*

²Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa

¹Pensyarah, Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

²Penolong Pegawai Syariah, Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Seksyen Negeri Pulau Pinang

Pengarang koresponden: mhazwan@unishams.edu.my*

ABSTRAK

Terdapat beberapa item nafkah yang boleh dituntut untuk memenuhi keperluan bagi penerusan kehidupan dengan pembayaran secara kos. Nafkah merupakan tanggungjawab seorang bapa kepada anaknya dan tanggungjawab suami kepada isterinya. Mahkamah akan memerintahkan pembayaran nafkah terhadap si bapa atau bekas suami apabila pihak-pihak yang berkahwin bercerai. Selain itu, bagi pihak lelaki yang berpoligami, mahkamah turut memerintahkan pembayaran nafkah kepada isteri pertama dan isteri seterusnya. Walau bagaimanapun, persoalan timbul tentang sejauh manakah keperluan asas tersebut seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, ditambah dengan pendidikan dan perubatan menurut undang-undang mencukupi kepada pihak penuntut. Analisis kajian kes mendapati bahawa terdapat pertambahan nafkah yang lain setelah dikaji beberapa kes-kes terdahulu yang telah diputuskan. Maka, objektif kajian ini adalah untuk meneliti dan juga menganalisis item-item nafkah yang dituntut oleh isteri, bekas isteri dan juga anak-anak yang boleh dijadikan kepentingan nafkah dan juga sebagai rujukan serta mungkin menjadi keperluan bagi zaman ini dan masa akan datang. Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan ialah kajian kualitatif dengan mengumpul data secara kepustakaan dan menganalisis data daripada peruntukan undang-undang, artikel, jurnal, penulisan ilmiah serta kajian kes. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah temubual secara tidak berstruktur yang menemubual peguam-pegawai yang mengendalikan kes-kes di mahkamah syariah. Hasil kajian mendapati bahawa antara item yang ditambah oleh pelanggan mahkamah syariah untuk dijadikan suatu kepentingan kini ialah bil-bil utiliti, insurans, tabung haji, pengangkutan dan percutian. Penulisan ini mencadangkan agar pemohon nafkah perlu memasukkan item-item tersebut dalam permohonan tuntutan nafkah agar ia menjadi kehidupan yang lebih berkualiti.

Kata Kunci: item nafkah, keperluan asas, perundangan, mahkamah syariah.

ABSTRACT

There are several of alimony items that can be claimed to meet the needs for the continuation of life with payment at cost. Maintenance is the responsibility of a father to his child and the responsibility of a husband to his wife. The court will order the payment of alimony against the father or ex-husband when the married parties divorce. In addition, on behalf of polygamous men, the court also ordered alimony payments to the first and subsequent wives.

However, questions arise as to the extent to which the basic needs such as food, clothing and shelter, plus education and medical care according to the law are sufficient for the claimants. Analysis of the case study found that there was another increase in alimony after studying some of the previous cases that had been decided. Therefore, the objective of this study is to examine and also analyze the items of alimony claimed by wives, ex-wives and also children that can be used as a means of alimony and also as a reference and may be a necessity for this era and the future. In this study, the methodology used is a qualitative study by collecting data in a bibliographic manner and analyzing data from legal provisions, articles, journals, scientific writing and case studies. In addition, this study also uses an unstructured interview method that interviews lawyers who handle cases in sharia courts. The results of the study found that among the items added by syariah court customers to be of interest now are utility bills, insurance, Hajj fund, transport and vacation. The author suggests that alimony applicants need to include those items in the alimony claim application so that it becomes a better quality of life.

Keywords: livelihood items, basic needs, legislation, shariah court.

PENGENALAN

Nafkah bermaksud “mengeluarkan” dari sudut bahasa (Yusuf, 2005). Dari segi istilah pula, nafkah bermaksud “mengeluarkan dan membelanjakan kepada orang dibawah tanggungannya daripada orang yang dipertanggungjawabkan” (Al-Shirbini, Al-Khatib, Sheikh Muhammad, 2001). Tanggungan tersebut adalah berbentuk pakaian, makanan dan tempat tinggal sebagai keperluan yang teras dalam meneruskan kehidupan. Selain itu, tanggungan ini turut termasuk keperluan lain, seperti pendidikan dan juga perubatan atau rawatan.

Secara kebiasaannya, nafkah yang dituntut di mahkamah syariah adalah berkaitan dengan keperluan asas yang diberi keutamaan. Keperluan asas tersebut yang diketahui umum berkaitan dengan tiga item iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Namun, pada zaman ini, perubatan dan pendidikan juga tidak terkecuali sebagai teras dalam keperluan apabila item-item ini telah diperuntukkan dalam undang-undang. Item-item tersebut diperintahkan oleh mahkamah dengan cara pembayaran melalui kos. Kos tersebut ialah wang yang sama nilainya dengan item-item yang diperintahkan oleh mahkamah (Mohd Noor Alif, 2024).

Walaupun begitu, persoalan yang timbul adalah sejauh manakah item-item

yang diperintahkan tersebut telah memenuhi kehendak pelanggan mahkamah. Pertambahan ini mestilah melihat konteks keupayaan atau kemampuan seseorang penanggung nafkah. Bagi yang berkemampuan, nafkah yang dimohon adalah berupa kos yang tinggi. Daripada kos yang tinggi tersebut, pelanggan perlulah menyatakan item-item nafkah yang dituntut. Hal ini dapat dilihat dalam kes yang telah diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah Seremban, Negeri Sembilan apabila pihak penuntut telah menuntut nafkah berupa kos yang tinggi iaitu kes *Rita Rudaini bt Mohamad @ Mokhtar lwn Mohamad Aidil Zafuan bin Abd Radzak [2016] 3 SHLR 41*. Dalam kes tersebut, mahkamah telah memutuskan bahawa defendan perlu membayar nafkah keseluruhan sebanyak RM68,530 dengan pecahan antara item-itemnya, iaitu kos makan minum RM22,800, kos bil utiliti sebanyak RM11,380, kos pakaian dan keperluan diri sebanyak RM5,850 dan kos penginapan tempat tinggal sebanyak RM28,500. Sebanyak empat item yang disenaraikan berkaitan dengan nafkah isteri sahaja. Nafkah ini juga adalah nafkah yang tertunggak sewaktu pasangan hidup bersama sejak berkahwin dari tahun 2008 hingga tahun 2013.

Selain nafkah tertunggak yang telah diputuskan oleh mahkamah bagi kes di atas, nafkah semasa juga tidak diperincikan item-

itemnya bagi golongan yang mempunyai pendapatan yang tinggi. Antaranya ialah kes Elly Mazlein yang berjaya menuntut nafkah anak sebanyak RM1,500 sebulan. Ketetapan jumlah tersebut juga tidak menyatakan item secara terperinci dalam tuntutannya (Mohd Al Qayum, 2016). Selain itu, bagi golongan isteri yang bekerja, tidak dikecualikan daripada kewajipan untuk memberikan nafkah. Pembayaran nafkah ini mungkin sedikit berbeza dari segi item, namun ia tidak lari daripada keperluan asas yang dibincangkan di atas (Ahmad Nazri, 2017). Menurut peguam yang mengendalikan kes kes tuntutan nafkah, iaitu Mohd Noor Alif Dolmat, kebiasaannya mahkamah akan memerintahkan kos secara sekaligus bagi menggenapkan kiraan nafkah. Tambahan pula, Pekeliling Ketua Hakim Syarie tahun 2016 juga telah menetapkan nafkah anak secara mandatori, iaitu nafkah seorang anak sebanyak RM200, dua orang anak hingga lima orang anak sebanyak RM150 bagi setiap orang serta enam orang anak dan ke atas sebanyak RM100 bagi setiap seorang. Pekeliling tersebut tidak menyatakan dengan terperinci tentang item-item nafkah.

Dalam makalah ini, sebanyak lima kajian terdahulu akan dihuraikan bagi mengetahui sama ada terdapat kajian yang mempunyai item-item nafkah. Kajian pertama adalah daripada Shadli dan Mohd Noor (2012) yang menjelaskan tentang perbandingan ordinan dengan undang-undang Islam. Makalah tersebut menghuraikan nafkah anak yang dibincangkan oleh para ulama, iaitu daripada fuqaha Hanafi dan Syafie. Sebanyak lima perkara dimasukkan dalam perbincangan tersebut, iaitu kadar, syarat, nafkah tertunggak, nafkah anak tidak sah taraf dan nafkah anak apabila bapa murtad. Makalah ini turut menjelaskan kepentingan untuk memberikan nafkah secara terasnya, iaitu daripada keperluan asas. Selain itu, makalah

ini turut memuatkan contoh kes yang mahkamah telah memerintahkan nafkah anak, seperti kos makanan, pakaian, pengawasan, persekolahan dan perubatan. Makalah daripada Badruddin dan Azizah (2013) pula ada membincangkan perundangan iaitu hak nafkah terhadap nafkah anak. Artikel ini membincangkan hak-hak nafkah anak yang perlu dibiayai oleh bapa. Dalam perundangan seperti akta, enakmen dan ordinan, hanya berlaku penambahan dua item sahaja, iaitu pendidikan dan perubatan selain keperluan asas yang dibincangkan oleh fuqaha, iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Namun makalah ini tidak memperincikan item-item nafkah yang lain.

Makalah selanjutnya adalah nafkah dalam keluarga. Makalah ini membincangkan kefahaman mahasiswa tentang nafkah (Atiratun, Nurhidayah, Khafizatunnisa' & Fathiah, 2023). Dapatkan daripada soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa UiTM Perak, menunjukkan ketidakfahaman yang begitu jelas tentang kewajipan memberikan nafkah. Walau bagaimanapun, keperluan asas seperti pakaian, makanan dan tempat tinggal diketahui dengan baik. Selain itu, terdapat juga kajian daripada jurnal tentang kefahaman yang melibatkan penjawat awam bermula dari gred 11 hingga gred 52 tentang penyediaan nafkah kepada ibu bapa tua (Irina, Khadijah, Nazirah, Nur Hasna & Mohd Shakir, 2023). Kajian ini menyentuh cabaran ekonomi yang melibatkan kos sara hidup, pendidikan anak-anak dan perancangan keluarga. Ia membahaskan keperluan nafkah yang begitu umum tanpa mengkhususkan item-item nafkah dalam perbincangannya.

Berhubung dengan keperluan asas yang disebutkan, ia tidak memberikan fizikal nafkah semata-mata. Kebanyakan nafkah

diberikan melalui kos secara pembayaran wang. Kos tersebut berkemungkinan mencukupi atau sebaliknya. Hal ini telah dijelaskan dalam kajian seterusnya, iaitu perubahan perintah nafkah anak (Mohd Hazwan Ismail, 2023). Artikel tersebut menjelaskan bahawa sekiranya kos yang telah diperintahkan oleh mahkamah tidak mencukupi atau telah melebihi daripada kemampuan seorang bapa, maka mahkamah membenarkan permohonan untuk perubahan perintah nafkah dibuat. Hasil kajian mendapati, bahawa perubahan paling banyak yang dilakukan ialah pertambahan kos nafkah, iaitu 47%, pengurangan pula sebanyak 41% dan pengekalan sebanyak 12%. Namun, makalah tersebut tidak menyentuh item-item yang sepatutnya ditambah apabila kebanyakannya pertambahan kos yang diputuskan oleh mahkamah.

Daripada kesemua makalah yang dihuraikan, maka jelas bahawa masih belum ada kajian tentang item-item yang diperincikan penambahannya. Oleh itu, kelompongan daripada kajian-kajian terdahulu akan diisi dengan kajian ini dengan berdasarkan *fiqh* keutamaan dan juga perundangan yang membolehkan item-item nafkah tersebut boleh dijadikan item utama pada zaman ini. Oleh hal yang demikian, penulisan ini bertujuan untuk meneliti item-item yang ditambah oleh hakim berdasarkan kajian-kajian kes. Hal ini sekali gus memungkinkan bahawa pada zaman akan datang, item tersebut menjadi suatu kemestian untuk mewujudkan kehidupan yang lebih berkualiti serta memenuhi kehendak dan sesuai dengan peredaran zaman.

NAFKAH KEPERLUAN ASAS

Nafkah mesti ditunaikan melalui keperluan asas terlebih dahulu sebelum memenuhi

keinginan perkhidmatan yang lebih selesa. Antara keperluan asas yang dibincangkan ialah pakaian, makanan, tempat tinggal, perubatan dan pendidikan. "Pakaian" merujuk apa yang dipakai, seperti baju dan seluar. Pakaian berkaitan dengan anggota badan, termasuk sarung tangan (bagi tangan), kasut, sandal, but kaki dan sarung kaki (bagi kaki) dan topi (bagi kepala) adalah biasa digunakan atau dipakaikan. Pakaian melindungi anggota badan manusia daripada cuaca yang ekstrem, panas atau sejuk, dan baju keselamatan seperti baju kalis peluru dan baju kalis api (Asliza, 2014). Ciri-ciri budaya juga mempengaruhi pakaian bagi sesebuah tempat. Menutup anggota badan tertentu (aurat) adalah wajib dalam Islam. Lelaki mesti melindungi auratnya dari pusat hingga lutut, manakala wanita mesti melindungi seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan.

Salah satu perkara yang mesti diberikan oleh bapa kepada anaknya ialah pakaian. Lelaki dan perempuan mesti memakai pakaian yang menutup aurat. Pakaian juga boleh dipakai untuk solat. Ciri-ciri pakaian yang wajib diberikan oleh bapa kepada anaknya adalah seperti yang berikut:

- (1) Mengenakan pakaian yang menutup aurat.
- (2) Pakaian yang boleh dipakai untuk bersolat.
- (3) Mengenakan pakaian yang sama taraf dengan pakaianya (Shams al-Din Muhammad, Ramli. 1967).

Jumlah pakaian yang wajib diberikan kepada anak bagi tempoh setahun adalah sebanyak dua pasang baju. Menurut al-Mawardi (1999), dengan mengambil kira dua musim, iaitu musim panas dan musim sejuk, si bapa perlu untuk menyediakan dua pasang pakaian. Sementara itu, bagi pendapat al-Buhuti pula, anak hanya diperlukan untuk memakai sekurang-kurangnya satu pakaian lengkap bagi tempoh setahun.

Kesimpulannya, bapa mempunyai kewajipan yang perlu ditunaikan terhadap anaknya dalam konteks pemakaian pakaian. Jenis pakaian berbeza mengikut iklim kerana terdapat tempat yang panas dan ada tempat yang sejuk. Pakaian ini harus menutup aurat bagi lelaki dan wanita, dan ia ialah keperluan dan bukannya semata-mata untuk kemewahan (Muhammad Aslam, 2024).

Keperluan asas kedua ialah makanan. Makanan adalah apa-apa sahaja benda yang boleh dimakan, seperti nasi, roti, sayuran dan ikan yang berzat. Makanan juga mengandungi pelbagai bahan, seperti vitamin dan protein. Beras ialah makanan utama yang dimakan oleh orang Asia pada setiap hari.

Makanan untuk ibu menyusu biasanya sama. Bapa mesti menyediakan makanan kepada anaknya. Tanggungjawab untuk membesarakan anak adalah milik bapa walaupun ibu bapa telah bercerai (Abu Bakar Muhammad, 2003). Menurut ibn Hummam (1967), ‘apabila terdapat tanggungan lain yang perlu diberi nafkah, maka kewajipan menunaikan nafkah anak menjadi lebih utama.’

Oleh itu, adalah jelas bahawa anak sangat memerlukan makanan dan bapa ialah orang yang sangat dipertanggungjawabkan. Bapa mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menyediakan makanan kepada anak untuk mengatasi kelaparan bagi kelangsungan hidup.

Selanjutnya ialah rumah atau tempat yang didiami, yang dikenali sebagai tempat tinggal. Rumah juga dibina untuk tinggal bersama dengan keluarga, termasuk pasangan, anak dan cucu. Rumah yang dibina, seperti rumah kampung, banglo atau teres, memerlukan struktur yang kukuh, tempat kediaman untuk keluarga yang selamat, serta tempat untuk berkumpul dan

berlindung daripada ancaman bahaya (Tenas, 2005).

Al-Andalusi (1993) memberikan dua maksud untuk tempat tinggal atau rumah yang perlu disediakan oleh suami kepada isteri dan anak-anak:

- (a) Suami mesti memegang kuasa ke atas rumah.
- (b) Memberikan isteri dan anak sebahagian daripada rumah suami (rumah sewa).

Bapa dipertanggungjawabkan terhadap anak, terutamanya dalam hal berkaitan dengan tempat tinggal. Oleh itu, keupayaan bapa adalah untuk menentukan cara untuk menyediakan rumah bagi anak mereka. Hal ini tidak bermakna si bapa perlu membeli atau memberikan sebuah rumah, tetapi cukup memadai hanya dengan menyewa rumah mengikut kadar atau tahap kemampuan. Hal ini kerana mendapatkan tempat perlindungan untuk berteduh, makan, berehat, tukar pakaian, dan perkara lain adalah antara keperluan tempat tinggal yang paling utama.

Keperluan asas yang lain adalah perubatan. Istilah “perubatan” merujuk rawatan atau ubat-ubatan. Ubat boleh menyembuhkan penyakit dan menyembuhkan badan mengikut dos yang ditetapkan. Ubat digunakan untuk pencegahan penyakit yang melibatkan pelbagai kaedah penjagaan kesihatan bagi mengekalkan kesihatan seseorang atau menghalang mereka daripada mendapat penyakit melalui penyakit berjangkit tertentu.

Fuqaha’ tidak banyak membincangkan aspek perubatan ini kerana kebanyakan orang pada zaman itu tidak memerlukan untuk rawatan. Walau bagaimanapun, ia sangat berbeza pada masa ini dengan kos yang tinggi bagi mendapatkan rawatan dan ubatan. Oleh itu, jika anak dalam keadaan yang tidak sihat dan sangat

memerlukan aspek perubatan untuk meneruskan hidup, maka bapa bertanggungjawab untuk menyediakan kos ini. Al-Buhuti (2003) menjelaskan bahawa keperluan kesihatan anak-anak ditentukan berdasarkan rawatan oleh doktor. Si bapa mesti membayar kos rawatan anak yang sama nilai kesakitannya serta ubat yang telah disyorkan oleh pihak yang berautoriti.

Nafkah keperluan asas yang terakhir ialah pendidikan. Pendidikan merangkumi semua pengetahuan tentang dunia, akhirat, zahir dan batin. Selain itu, ilmu pengetahuan mempunyai keupayaan untuk membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk. Tambahan pula, ilmu juga mempunyai keupayaan untuk membina *syakhsiah* dan mengekalkan identiti seseorang serta ia mempunyai keupayaan untuk membezakan perkara yang betul dan perkara yang salah (al-Qaradawi, 1982). Al-Syarbini (2001) memberikan penjelasan yang berikut:

“Barangsiapa yang menginginkan dunia maka hendaklah berilmu. Barangsiapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu. Barangsiapa yang menginginkan keduanya, maka hendaklah dengan ilmu.”

Seorang bapa mesti memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak untuk memberi mereka pengetahuan yang akan memenuhi kedua-dua keperluan duniawi dan ukhrawi. Pendidikan bukan sekadar teori semata-mata, bahkan ia juga boleh dipelajari untuk memperoleh kemahiran yang berguna untuk masyarakat. Walau bagaimanapun, Islam melarang mempelajari sesuatu yang melampaui batas syariat, seperti sukan yang menampakkan aurat atau sukan yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi di luar kemampuan bapa untuk menanggungnya (al-Mardawi, 2000).

Maka, adalah jelas bahawa keperluan asas di atas telah dibincangkan oleh fuqaha' bagi masyarakat memahami bahawa ia wajib ditunaikan oleh seorang bapa. Menurut undang-undang di Malaysia pula, item-item tersebut ada dimasukkan dalam seksyen 72(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa:

“Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

Sesungguhnya, adalah jelas bahawa dalam peruntukan undang-undang yang digunakan dinegara ini, antara keperluan asas bagi hakim untuk memerintahkan orang yang bertanggungan ialah tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran (Mohd Hazwan, 2023). Item-item tersebut juga boleh dibayar menggunakan wang mengikut kemampuan penanggung nafkah.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini dilakukan secara kualitatif (Siti Uzairiah, 2017) kerana ia menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kepustakaan dan kajian lapangan. Melalui kepustakaan (Mohd Shafie Abu Bakar, 1991), data-data yang diperoleh adalah daripada kitab-kitab fiqh, jurnal, kertas ilmiah, kertas persidangan dan kajian-kajian kes daripada mahkamah. Data-data tersebut akan diuraikan secara deskriptif dan seterusnya akan disokong melalui kajian daripada lapangan.

Kajian lapangan pula menggunakan temu bual. Temu bual pula dilakukan secara tidak berstruktur (Ahmad Sunawari, 2009). Temu bual dijalankan bersama dengan peguam yang mengendalikan kes-kes di mahkamah syariah. Setelah data diperoleh, maka ia akan menggabungkan antara teori dengan realiti bagi menghasilkan dapatan kajian dan seterusnya akan dapat memperoleh penyelidikan secara terperinci dan holistik.

PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN

Fuqaha telah banyak membincangkan nafkah-nafkah yang perlu dibayai oleh orang yang bertanggungan, seperti bapa kepada anaknya dan suami kepada isterinya dengan meletakkan keperluan asas bagi setiap manusia yang hidup di muka bumi ini (Al-Razi, 1995). Tanpa makanan, tempat tinggal dan pakaian, maka mustahil manusia boleh hidup secara normal. Hal ini kerana, setiap manusia memerlukan makanan untuk hidup, pakaian bagi menjaga tubuh badan daripada bahang panas atau tempat yang sejuk serta tempat tinggal yang disebut sebagai rumah. Rumah adalah tempat berlindung daripada kepanasan, kesejukan, berehat dan penyalinan pakaian. Undang-undang di negara ini tidak terkecuali dengan kepentingan item nafkah tersebut. Selain ketiga-tiga item yang diperuntukkan, pendidikan dan perubatan (Mohd Hazwan & Jasni, 2021) juga adalah penting bagi menjaga kemaslahatan masyarakat pada zaman ini.

Walau bagaimanapun, selain keperluan asas yang dibincangkan sebelum ini, terdapat tiga item nafkah yang telah dibincangkan oleh fuqaha (al-Arabi. 2003). Kajian mendapati bahawa, tiga item nafkah tersebut ialah penyusuan, keperluan diri dan pembantu rumah.

PENYUSUAN

Dalam bahasa Arab, penyusuan disebut sebagai *radi'a* dan *rada'a*, yang bermaksud menyusu, manakala anak yang diberi susu dikenali sebagai *al-radi'* (Al-Razi, 1995). Bayi yang diberikan susu ibu adalah yang melekat di mulutnya dan diberi makan terus dari payudara ibu. Hak anak ini jelas diperuntukkan dalam ayat al-Quran. Dalam Surah al-Baqarah ayat 233, Allah berfirman:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu.....;”

Allah juga berfirman dalam Surah a-Talaq ayat 6:

“Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.”

Surah al-Baqarah ayat 233 menyatakan bahawa ibu-ibu mesti memberikan susu kepada anak mereka sehingga anak tersebut berumur dua tahun genap. Hal ini bermakna bahawa ibu juga bertanggungjawab untuk menyusui anaknya sehingga cukup umur.

Bagaimanapun, dalam ayat 6 surah al-Talaq di atas, telah dinyatakan bahawa seorang bapa mesti membayar upah kepada si ibu kerana si ibu menjaga anaknya. Si anak boleh disusui oleh orang lain jika si ibu menghadapi masalah untuk menyusukan anaknya. Ibu atau bapa anak tersebut boleh mencari ibu susuan (Al-Razi, 1985).

Dalam hal ibu yang telah bercerai, terdapat dua pendapat daripada fuqaha'. Al-Arabi (2003) daripada Mazhab Maliki ialah orang pertama yang berpendapat bahawa

penyusuan anak tidak wajib. Menurut pendapat kedua pula, iaitu al-Razi (1985), sama ada ibu itu masih dalam perkahwinan atau telah diceraikan, penyusuan anak adalah diharuskan. Dalam kes ini, si bapa mesti mengupah ibu susuan jika ibu anak tidak mahu atau tidak boleh menyusukannya.

Namun begitu, ibu kandung diberi keutamaan dalam penyusuan anak kerana ibu kandung diciptakan oleh Allah untuk diturunkan mengenai sifat dan akhlak anaknya. Sifat penyayang yang diberikan oleh Allah sangat sesuai untuk menyediakan penyusuan (M. Afzal, 1995).

KEPERLUAN DIRI

Keperluan diri termasuk alat solek, barang kemas dan hiasan. Anak juga mempunyai keperluan diri untuk mencuci, menghias dan mencantikkan diri. Solek ialah sejenis bahan seperti bedak, sikat, gincu bibir dan minyak wangi yang digunakan untuk mencantikkan wajah, kulit dan rambut. Barang kemas pula ialah barang hiasan yang berharga untuk wanita yang terdiri daripada alatan yang diperbuat daripada perak atau emas, seperti loket, cincin, kalung dan gelang. Seseorang biasanya memakai perhiasan untuk menjadikan mereka kelihatan lebih cantik dan anggun. Selain itu, alat pencuci seperti sabun dan syampu yang digunakan adalah untuk membersihkan serta menghilangkan kotoran dan sisa pada bahan datar, tegak, bertekstur dan bercelah di bahagian anggota badan.

Ulama tidak menjelaskan tentang keperluan anak untuk alat pencuci. Ulama bebas membuat keputusan berdasarkan amalan adat tempatan atau uruf. Penjagaan kebersihan adalah penting untuk melakukan ibadah dengan sempurna (al-Ramli, 1967).

Fuqaha seperti al-Ramli (1967) dan al-Mawardi (1999) juga membincangkan alat

solek. Al-Ramli menyatakan bahawa bapa mesti menyediakan sikat dan minyak kerana ia merupakan perapian yang paling asas. Walau bagaimanapun, pemberian celak atau minyak wangi kepada anak perempuan tidak perlu. Menurut al-Mawardi (1999) pula, minyak wangi atau celak adalah asas bersama dengan sikat dan minyak.

Oleh itu, jenis nafkah ini tidak dibincangkan secara mendalam. Terdapat pendapat yang berbeza tentang keperluan bagi kebanyakan masyarakat yang mungkin berbeza disebabkan oleh perbezaan produk dan iklim.

PEMBANTU RUMAH

Pembantu rumah ialah seseorang yang melakukan tugas di rumah orang lain, seperti memasak, membasuh pakaian dan mengemas. Ia juga dikenali sebagai khadam atau orang gaji. Tidak semua tempat mewajibkan suami menyediakan pembantu rumah. Kebanyakannya isteri atau ibu yang menjaga hal dalam rumah. Walau bagaimanapun, di sesetengah tempat tidak kira sama ada suami mempunyai pendapatan yang rendah atau tinggi, pembantu rumah atau khadam biasanya akan membantu menjaga rumah. Suami akan menyediakan pembantu rumah jika berkemampuan, manakala si isteri akan melakukan kerja rumah jika suami tidak berkemampuan.

Al-Syafie (2002) berpendapat bahawa suami tidak dikehendaki untuk menyediakan pembantu rumah sekiranya suami tidak mempunyai keupayaan untuk mengupahnya. Walau bagaimanapun, jika budaya tempatan memerlukan pembantu rumah bagi ahli keluarga isterinya yang belum berkahwin, maka si suami mesti menyediakannya sekiranya berkemampuan.

Walau bagaimanapun, hasil kajian bersama dengan peguam yang

mengendalikan kes-kes tuntutan nafkah di mahkamah syariah dan juga kajian-kajian kes yang telah diputuskan oleh hakim syarie, terdapat beberapa item nafkah lain yang sangat jarang ditemukan dan telah diluluskan dalam permohonan. Contohnya dalam kes *Jamar lwn Novia* (2020) yang telah diputuskan pada bulan Februari tahun 2020. Kes ini difailkan untuk pengesahan nikah apabila pihak-pihak telah bernikah di luar negara, iaitu di Indonesia. Setelah pengesahan dibuat, hakim memerintahkan pemohon untuk menanggung nafkah bagi isteri pertama dan anak-anak serta isteri kedua. Dalam perintah tersebut juga, pemohon perlu menyediakan kediaman bagi isteri pertama dan anak-anak serta kediaman bagi isteri kedua dan perlu membayar segala bil utiliti bagi kedua-dua rumah tersebut.

Kes yang sama juga melibatkan pengesahan pernikahan poligami yang telah diakad nikah di Kota Medan, Indonesia, iaitu kes *Tajudin & Neneng lwn Saudah* (2018). Dalam kes ini, pemohon 1, iaitu Tajudin perlu menyediakan kediaman serta menanggung bil-bil utiliti bagi kedua-dua kediaman. Selain bil tersebut, pemohon 1 juga perlu membayar bil hospital dan klinik bagi keperluan perubatan. Selanjutnya, apabila melibatkan poligami bil-bil utiliti dan perubatan hospital turut menjadi item yang

diperintahkan. Dalam kes *Muslim & Roslina lwn Rohani* (2018) berkaitan dengan pengesahan nikah yang berlangsung di Wilayah Songkhla, Thailand, dan kes *Zainol lwn Azira* (2019), mahkamah telah memperincikan bil utiliti iaitu bil api dan bil air sebagai item nafkah. Manakala dalam kes *Sheriff & Tumini lwn Farida* (2019), bayaran rumah sewa turut diterima sebagai item nafkah.

Selain bil-bil utiliti yang diperintahkan, terdapat juga item lain yang diperintahkan oleh mahkamah. Kes tersebut ialah *Sharil lwn Huda* (2009) kerana dalam penghakiman tersebut, mahkamah telah memerintahkan plaintif untuk membayar insurans dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) kepada empat orang anak sebanyak RM500 sebulan setiap orang. Di samping itu, kes *Kasmaniza & Yusof lwn Zaharah* (2012) pula, mahkamah memerintahkan pemohon untuk membayar nafkah isteri dan dimasukkan ke dalam Tabung Haji. Bagi nafkah anak pula, dalam kes ini, si bapa difardhukan untuk membayar belanja pengangkutan dan percutian kepada lima orang anak. Oleh hal yang demikian, item-item yang telah diperintahkan oleh mahkamah bolehlah disimpulkan seperti jadual dibawah:

Jadual 1: Item Nafkah yang Diperintah

Kes Difailkan	Item Nafkah	Jumlah Kes – 7 (secara rawak)
Poligami – nafkah isteri	Bil utiliti & perubatan Insurans, tabung haji, pengangkutan dan percutian	6
Nafkah Anak		1

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

Jadual tersebut menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak tujuh kes yang diambil secara rawak di Mahkamah Syariah Pulau Pinang. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak enam kes atau 86% ialah kes yang difailkan berkaitan

dengan poligami. Dalam poligami tersebut, hakim memerintahkan pemberian nafkah kepada isteri-isteri supaya keadilan dapat ditegakkan. Antaranya ialah bil-bil utiliti seperti bil air, bil api, bil telefon, bil astro dan bil gas. Hanya satu kes yang memperincikan

bil, iaitu kes *Sheriff & Tumini lwn Farida* (2019) apabila perintah dibuat tentang bil api dan bil air sahaja. Baki kes yang lain pula adalah umum, termasuk bil-bil yang disebutkan tadi. Selain itu, item perubatan turut dimasukkan kerana rata-rata isteri pertama adalah lebih berumur daripada isteri yang baharu dan kebanyakannya memerlukan rawatan untuk kelangsungan hidup.

Bagi nafkah anak pula, hanya satu kes atau sebanyak 14% yang terdiri daripada item-item nafkah, seperti insurans, tabung haji, pengangkutan dan percutian. Insurans yang diperintahkan oleh mahkamah adalah SSPN. SSPN ialah caruman pendidikan yang boleh digunakan untuk pembayaran yuran pada peringkat pengajian tinggi apabila anak-anak telah melepassi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Begitu juga tabung haji, iaitu simpanan yang memberikan insentif kepada pendeposit kerana tujuan utamanya adalah untuk membantu umat Islam menuaikan haji bagi memenuhi rukun Islam yang ke-5. Selain itu, pengangkutan juga tidak terkecuali dalam menjadi sebahagian daripada kewajipan seorang bapa untuk menunaikannya. Pengangkutan secara lazimnya digunakan untuk anak-anak ke sekolah. Antara pengangkutan yang sering digunakan ialah bas, van, kereta dan juga motor persendirian bagi anak sekolah menengah atas (Mazdi & Jamilah, 2006). Yang terakhir dalam item nafkah yang diperintahkan oleh mahkamah ialah percutian. Item ini juga boleh diperintahkan oleh mahkamah kerana item percutian boleh mendarangkan kesegaran minda, menenangkan fikiran dan menghilangkan tekanan. Percutian juga boleh meningkatkan kesihatan fizikal (Mohamad Zaki, Johan & Hood, 2010), mental serta psikologi (Siti Marziah, Nurul Shafini, Noremy, Suzana & Jamiah, 2019).

Oleh itu, daripada item-item nafkah yang telah diperintahkan, maka dapat dijustifikasikan bahawa item-item tersebut boleh mendatangkan manfaat kepada anak-anak dan juga kesenangan bagi pihak isteri. Walau bagaimanapun, item-item yang telah diperintahkan oleh hakim bukanlah dilakukan secara melulu. Hal ini kerana, sebelum hakim membuat perintah, hakim akan menyiasat kemampuan dari segi kewangan bagi pihak suami atau si bapa dalam menunaikan tanggungjawab yang telah dimohon oleh pemohon (Muhamad Aslam, 2024). Oleh hal yang demikian, ia tidak menjelaskan atau membebankan pihak yang perlu menunaikannya. Hal ini jelas dalam kaedah fiqh iaitu:

الاجتهد لا ينقض بمثله

Bermaksud: Satu pentafsiran undang-undang (ijtihad) tidak memusnahkan yang lain.

Dalam kaedah fiqh yang dikemukakan, undang-undang tidak menghalang penambahan item nafkah selain daripada lima item keperluan asas walaupun ia mungkin membebankan pihak penanggung nafkah. Hal ini kerana, dalam perbicaraan secara *inquisitorial* dilaksanakan oleh hakim, sekiranya pihak yang dituntut bersetuju, maka keadaan ini disifatkan sebagai penerimaan sukarela. Oleh itu, item-item nafkah yang ditambah tersebut boleh diperintahkan dan dilaksanakan bagi tujuan menjamin kesejahteraan keluarga.

Tambahan pula, kemungkinan pada zaman akan datang, tidak mustahil item yang akan dituntut ialah kos Internet. Hal ini kerana, pada zaman ini kerajaan telah menekankan revolusi industri 4.0 (IR4.0) sebagai medium yang utama untuk zaman teknologi. Ini bagi memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam era IR4.0, seperti keperluan *Internet of Things (IoT)* dan *Artificial Intelligence (AI)* (Jamilah, 2023).

KESIMPULAN

Kewajipan nafkah adalah daripada keperluan asas yang telah ditetapkan iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pendapat fuqaha yang telah membincangkan pertambahan item-item nafkah yang lain seperti pendidikan dan perubatan. Item tersebut juga diperuntukkan dalam undang-undang di Malaysia. Namun, masih terdapat lagi item-item nafkah yang dibincangkan oleh fuqaha', seperti penyusuan, keperluan diri dan pembantu rumah. Penyusuan bolehlah dikategorikan sebagai makanan kerana susu ialah makanan dan minuman bagi bayi. Keperluan diri pula ialah alat solek, barang hiasan dan juga kebersihan diri, manakala pembantu rumah adalah mengikut adat bagi sesuatu kawasan.

Walau bagaimanapun, dalam hal perundangan di Malaysia, terdapat beberapa item yang ditambah mengikut keperluan zaman. Antara item nafkah yang telah diperintahkan oleh mahkamah ialah bil utiliti, insurans, tabung haji, pengangkutan dan percutian. Kesemua ini ialah keputusan daripada mahkamah. Cadangan daripada penulisan ini adalah kesemua item ini perlu dimasukkan sebagai keperluan bagi masa ini untuk menjamin kehidupan yang lebih berkualiti. Contohnya, apabila membabitkan tekanan yang berlebihan dalam kehidupan, antara cara yang boleh digunakan untuk mengatasinya adalah dengan percutian. Hal ini kerana percutian akan memberikan kesan yang baik kepada minda. Oleh itu, item-item tersebut mungkin menjadi satu keperluan bagi kebanyakan orang pada zaman ini dan akan datang mengikut kemampuan pihak yang akan menanggung nafkah.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud antara pihak-pihak yang telah terlibat dalam penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis telah menyumbang kepada penulisan kandungan artikel ini.

RUJUKAN

- Abu Bakar Muhammad Abdullah Ibn al-Arabi. (2003). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Muhammad 'Abd Haqq Ghālib 'Atīyyah al-Andalusi. (1413H/1993M). *Al-Muharrar al-Wajīz fi Tafsīr al-Kitab al-'Azīz* (ed. 'Abd Salām 'Abd al-Shāfi Muhammād; Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, vol. 1, 301).
- Ahmad Nazri Mohd Yusof. (2017, 4 April). *Berita Harian*. Nafkah tak luput walaupun isteri kerja. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2017/04/267746/nafkah-tak-luput-walaupun-isteri-kerja>
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ali Sulaiman al-Mardawi. (2000). *Al-Tahbir Syarh a-Tahrir fi Usul al-Fiqh*. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Mawardi, Abi al-Hassan Ali Muhammad Hussain. (1999). *Al-Hawi al-Kabir, jilid 15*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Razi, Muhammad Umar bin al-Hussain. (1985). *Tafsir al-Fakhr al-Razi*. Tehran: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Razi, Muhammad ibn Abi Bakar ibn Abd al-Qadir. (1995). *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabat Lubnan.
- Al-Shirbini, Al-Khatib, Sheikh Muhammad. (2001). *Mughni al-Muhtaj, Jilid 3*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Asliza binti Aris. (2014). *The Evolution and Transformation of Baju Kurung in the Peninsular of Malaysia*. Tesis Ph.D. UiTM.
- Atiratun Nabilah Jamil, Nurhidayah Muhamad Sharifuddin, Khafizatunnisa' Jaapar, Fathiah Fathil. (2023). Nafkah dalam keluarga: Kajian kesedaran terhadap isu nafkah dalam kalangan mahasiswa. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 8(34), 150-158, <https://www.doi.org/10.35631/IJLG C.834011>
- Badruddin Ibrahim & Azizah Mohd. (2013). Hak anak terhadap nafkah dalam perundangan islam: Sejauh manakah bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anaknya. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 25(2), 255-272.
- Burhan al-Din Abi al-Hassan Ibrahim Umar al-Baqai. (1995). *Nizam al-Darari fi Tanasubi al-Ayat wa al-Sur*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Irina Riyanti Muhammad Nur, Khadijah Alavi, Nazirah Hassan, Nur Hasna Che Had & Mohd Shakir Zufayri Shuhaimi. (2023). Cabaran penjawat awam dalam menyediakan nafkah kepada ibu bapa tua. e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities.
- Jamar lwn Novia (2020). Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0029-2020.
- Jamilah Ahmad. (2023). *Membudaya Revolusi Industri 4.0 dan Society 5.0*. Johor: UTM News Hub.
- Kamal al-Din Muhammad bin Abd Wahid Ibn Hummam. (1967). *Syarh Fath al-Qadir ala Hidayah: Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Mesir: Syarikah al-Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Kasmaniza & Yusof lwn Zaharah (2012). Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0046-2011.
- Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai pada 27 Februari 2020, <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Laman sesawang SSPN: <https://ecentral.my/sspn-online/> diakses pada 20 Februari 2024 jam 11.54 pm.
- M. Afzal Wani. (1995). *The Islamic Law on maintenance of women, children, parents & other relatives: Classical principles and modern legislations in India and Muslim Countris*. Kashmir: Upright Study Home.
- Manshur bin Yunus bin Idris al-Buhuti. (2003). *Kashshaf al-Qina 'an Matn al-Iqna'*. Riyaḍh: Dar Alim al-Kutub.
- Mazdi Marzuki & Jamilah Mohamad. (2006). *Mod pengangkutan ke sekolah: Satu kajian pilihan pelajar-pelajar sekolah menengah di Hulu Langat*. Conference: MUTED Conference At: Bangi.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim & Hood Mohd. Salleh. (2010). *Pelancongan kesihatan sebagai sumber pendapatan negara: Potensi, impak dan cabaran*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V), Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi, Jilid 2: Port Dickson. 15-17 Oktober 2010.

- Mohd Al Qayum Azizi. (2016, 12 Oktober). Elly Mazlein berjaya tuntut nafkah anak rm1,500 sebulan. *MStar*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2016/10/12/elly-mazlien-anak?la=en>.
- Mohd Hazwan Ismail. (2023). Perubahan perintah nafkah anak mengikut kepada keperluan semasa: kajian di negeri-negeri zon utara. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 18, 29-37.
- Mohd Hazwan Ismail. (2023). *Pindaan Peruntukan Seksyen Mengenai Nafkah Daripada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 Kepada Akta 303*. Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia. 35 KANUN (2): 309-332.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, (2021), *Pemberian Nafkah Anak oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-undang*. Journal of Muwafaqat, Vol. 4 No. 2, 2021, pp. 18-31.
- Mohd Shafie Abu Bakar. (1991). *Metodologi penyelidikan untuk Ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Edisi kedua. Bangi: UKM.
- Muhammad bin Idris al-Shafie Abu Ābd Allah. (2002). *Al-Ū'mm*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Sidqi Ali Burnu. (2003). *Al-Mausu'ah Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah*. Beirut: Muassati Al-Risalah.
- Muslim & Roslina lwn Rohani (2018), Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0041-2018.
- Rita Rudaini bt Mohamad @ Mokhtar lwn Mohamad Aidil Zafuan bin Abd Radzak [2016] 3 SHLR 41 (Shariah Law Report).
- Shadli Sabarudin & Mohd Noor Daud. (2012). *Tuntutan nafkah anak selepas pembubaran perkahwinan: Perbandingan antara Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001 dengan Undang-Undang Islam*. Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science, UiTM Melaka Malaysia, November 2012.
- Shams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbas al-Ramli. (1967). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Matktabah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Sharil lwn Huda (2009). Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut. No. Kes Mal: 0647-2008.
- Sheriff & Tumini lwn Farida (2019). Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0046-2019.
- Siaran Akbar www.tabunghaji.gov.my. (2016). *Simpanan di Tabung Haji Selamat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lembaga Tabung Haji.
- Siti Marziah Zakaria, Nurul Shafini Shafurdin, Noremy Md. Akhir, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. (2019). Cabaran hidup ibu tunggal: kesan terhadap kesejahteraan emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69-84.
- Siti Uzairiah. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher. Hlm 38.
- Tajudin & Neneng lwn Saudah (2018). Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0189-2018.
- Tenas Effendy. (2005). *Falsafah dalam Seni Bina Melayu*. Pekan Baru: Lembaga Adat Melayu Riau.
- Tuan Mohd Noor Alif Dolmat. (2024). Peguam Syarie bagi firma Alif Aishah & Associates, dalam temubual dengan penulis melalui

telefon pada 21hb Februari 2024 jam 3.00 petang.

- Tuan Muhamad Aslam Ahmad. (2024). Peguam Syarie di Jabatan Bantuan Guaman Negeri Selangor dalam temubual dengan penulis melalui telefon pada 21hb Februari 2024 jam 9.00 pagi.
- Yusuf al-Qaradawi. (1982). *Minhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa Madrasah Hasan al-Banna*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Yusuf Shukri Firhat & Imil badi' Ya'qub. (2005). *Mujām al-Tullāb*. Beirut: Dar Al-Kutb Al-Ilmiyyah. Hlm 599.
- Zainol lwn Azira (2019). Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. No. Kes Mal: 0045-2019.